

OKTOBER '15

ISSN 2229-824X



JABATAN PENGAIRAIN DAN SAURAN MALAYSIA

JPS CARELINE 1 300 80 1010
www.water.gov.my

MENJADI ANTARA ORGANISASI SEKTOR AWAM YANG UNGGUL DI DUNIA



JPS Updates



Tahniah

**YBHG. DATO SRI KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA
DI ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN SULTAN PAHANG**

**MESYUARAT YBHG DATO' SRI KSU BERSAMA
PENGARAH BAHAGIAN DAN NEGERI JPS MALAYSIA**



LAWATAN
YBHG. DATO' SRI
AZIZAN BIN AHMAD,
KETUA SETIAUSAHA
SUMBER ASLI DAN
ALAM SEKITAR KE
EMPANGAN BATU



LAWATAN TEKNIKAL
KE EMPANGAN
KLANG GATE



LAWATAN KERJA
KE KNOWLEDGE
MANAGEMENT
CENTRE,
BANK NEGARA
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR



NAZIRAN ZON U1
& HARI BERTEMU
PELANGGAN
PADA 20 – 23
OKTOBER 2015

m/s 02

m/s 03

m/s 06

m/s 08

LAWATAN TURUN PADANG TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE JPS PAHANG

Oleh: Bahagian Korporat

YB Datuk Ir. Hj. Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan satu lawatan turun padang ke Pahang pada 5 - 6 Oktober 2015. Lawatan beliau turut disertai oleh En Idris bin Yussof, Pengarah Pengurusan Banjir bersama Ir. Shaharuddin bin Ibrahim, Pengarah JPS Pahang Jurutera Projek UPPP Pahang serta pegawai-pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Tujuan beliau mengadakan lawatan ini adalah untuk meninjau status semasa Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pekan.



LAWATAN YBG. DATO' AZIZAN BIN AHMAD, KETUA SETIAUSAHA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE EMPANGAN BATU

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 7 Oktober 2015, YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE telah menghadiri satu lawatan kerja ke Empangan Batu. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS, Dato' Ir. Zulkefli Bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II, dan Tn Hj Suhaimi Bin Mamat, Setiausaha Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi.




Lawatan ini diadakan bagi melihat sendiri operasi di Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK) disamping melihat keadaan semasa di kawasan Empangan Batu tersebut serta membincangkan isu berkenaan kerja-kerja penyelengaraan di kawasan operasi PLSK.

Tahniah

Oleh: Bahagian Korporat

YBHG. DATO' SRI KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA DI ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN SULTAN PAHANG

Setinggi-tinggi tahniah duacapkan kepada YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE & YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS Malaysia di atas Penganugerahan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Mulia - Peringkat Pertama Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P) dan YBhg. Dato' Ir. Shaharuddin bin Ibrahim, Pengarah JPS Pahang atas Penganugerahan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Mulia - Peringkat Kedua Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P) Sempena Hari Keputeraan ke-85 KDYMM Sultan Pahang.



MESYUARAT YBHG DATO' SRI KSU BERSAMA PENGARAH-PENGARAH PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 28 Oktober 2015 telah berlangsungnya satu Mesyuarat YBhg Dato' Sri KSU bersama Pengarah-Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri di Sunway Hotel Seberang Jaya. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS dan bersama pegawai tertinggi JPS serta Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri.

Mesyuarat ini diadakan adalah bertujuan untuk membincangkan perancangan pelaksanaan Projek-Projek di dalam RMK ke 11 yang akan bermula pada tahun 2016 serta pengajaran dan pengalaman, dalam pengurusan dan pelaksanaan projek dalam tempoh RMK 10.



PELAN STRATEGIK JPS 2016-2020

Oleh: Bahagian Korporat

Mesyuarat Konsultansi Perancangan Pelan Strategik JPS 2016-2020 bersama pihak berkepentingan telah diadakan pada 7 dan 8 Oktober 2015 bertempat di IPMI Zon Utara, Perak. Mesyuarat diadakan selama 2 hari dan dirasmikan oleh Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman. Seramai 55 peserta dari Ibu Pejabat JPS, wakil pegawai dari JPS Negeri dan ahli-ahli Taskforce Pelan Strategik JPS 2016-2020 telah hadir bagi menjayakan sesi konsultansi tersebut.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi kandungan Pelan Strategik 2016-2020 dengan membangunkan pelan tindakan yang meliputi strategi, program, sasaran dan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI). Input dan maklumat yang dibincangkan adalah sangat penting bagi menentukan hala tuju Jabatan dapat dicapai seiring dengan misi dan visi Pelan Strategik JPS 2016-2020.



LAWATAN TEKNIKAL KE EMPANGAN KLANG GATE

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 6 Oktober 2015, Pusat Kawalan SMART yang berpusat di Jalan Ampang telah mengadakan satu lawatan ke Empangan Klang Gate. Lawatan ini bertujuan bagi mendapatkan pengetahuan berkaitan dengan struktur Empangan Klang Gate terutamanya yang berkaitan dengan operasi kawalan banjir. Lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPS WPKL, telah diputuskan bahawa pengurusan operasi banjir Empangan Klang Gate yang sebelum ini di bawah Projek Lembangan Sungai Klang kini telah dipertanggungjawabkan kepada Pusat Kawalan SMART.

Seramai 20 orang pegawai yang terdiri daripada kakitangan Pusat Kawalan SMART, Pejabat Lembangan Sungai Klang, JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Bahagian Korporat dan Puncak Niaga Holdings Berhad telah hadir ke sesi tersebut yang diuruskan oleh Puncak Niaga Holdings Berhad.



Upacara Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Sukan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) tahun 2015 ini telah diadakan di Stadium Proton, Kompleks Proton City Tg.Malim.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Ir Hj Hamim Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan turut hadir, YBhg. Dato' Azizan Ahmad, Ketua Setiausaha NRE dan ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah NRE. Tahniah kontijen JPS kerana mengekalkan Juara Keseluruhan kali ke 4 berturut-turut.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dinobatkan selaku Juara Keseluruhan Kejohanan Sukan NRE ke-6 manakala Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah memenangi Tempat Kedua dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Tempat Ketiga.

JPS JOHAN KESELURUHAN SUKAN NRE 2015

Oleh: Bahagian Korporat



MAJLIS PENGHARGAAN PERTANDINGAN HARI INOVASI 1NRE 2014

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 21 Oktober 2015 bertempat di Restoran Zende, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur telah berlangsung Majlis Penghargaan Pertandingan Hari Inovasi 1NRE 2014. Majlis ini diadakan bagi meraikan kejayaan JPS yang telah dinobatkan sebagai Johan bagi kategori Pertandingan Montaj " Menyerlahkan Jabatan Anda" dan Johan Pertandingan Rekaan dan Hiasan Pameran Terbaik pada tahun 2014.

YBhg. Dato' Sri Ir.Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS telah meluangkan masa bagi menyampaikan sijil dan cenderahati kepada semua pemenang. Tahniah sekali lagi diucapkan kepada pegawai yang telah mengangkat nama JPS sempena Hari Inovasi 1NRE 2014.



PROGRAM SEHARI AKRAB BERSAMA WARGA BPMI

Oleh: Bahagian Pembangunan Modal Insan

Pada 29 November 2015, satu Program Kecemerlangan Warga BPMI yang melibatkan seramai 60 orang dari kalangan warga pejabat Pengarah BPMI dan ketiga-tiga IPMI bagi menghadiri Program Sehari AKRAB Bersama Warga BPMI. Ini adalah kali ketiga program ini dijalankan di BPMI. Pengisian program ini adalah bagi melatih peserta untuk berkomunikasi dengan lebih baik dan menjadi pendengar yang bagus.

Peserta turut mempelajari teknik-teknik pernafasan yang betul disamping mendekatkan diri dengan teknik-teknik terapi yang mudah bagi menghilangkan tekanan di tempat kerja. "Mind games" dan "role play" turut diperkenalkan kepada peserta.

Pada keseluruhannya peserta berasa amat puas hati dan telah terlibat secara aktif mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dirancang.



PROGRAM 'WAKE UP CALL' INTEGRITI DI JPS BAHAGIAN DAN NEGERI BAGI BULAN OKTOBER TAHUN 2015

Oleh: Unit Integriti



menghadiri program ini. Pengarah BUBK, Pn. Sr. Ratna binti Mahyuddin dan Wakil Pengarah Bahagian HTC, Dr. Norlida binti Mohd. Dom turut hadir sama dalam memberi sokongan atas penganjuran program ini. Program ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), YBhg. Dato' Ir. Zulkefli bin Hassan.

LAWATAN KERJA KE KNOWLEDGE MANAGEMENT CENTRE, BANK NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR

Oleh: Bahagian Korporat



Seramai 5 kakitangan daripada Bahagian Korporat yang diketuai oleh Pn Mashizam binti Mohamad telah mengadakan satu lawatan kerja ke *Knowledge Management Centre* (KMC), Bank Negara Malaysia pada 15 Oktober 2015. Pn. Masyitah Md Isa yang merupakan Pengurus KMC telah turut meluangkan masa dalam sessi lawatan kakitangan JPS ke KMC.



Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan input serta berkongsi idea bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan produktiviti Perpustakaan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Dengan perkongsian idea melalui aktiviti dan program-program yang dilaksanakan oleh pihak KMC boleh dijadikan rujukan dan contoh untuk aktiviti dan program-perpustakaan JPS dimasa akan datang.

BENGKEL ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN (TNA) UNTUK KUMPULAN PELAKSANA 2015

Oleh: Bahagian Pembangunan Modal Insan

Bengkel Analisis Keperluan Latihan (TNA) untuk kumpulan Penolong Jurutera telah diadakan pada 18 sehingga 20 Oktober 2015 bertempat di Institut Pembangunan Modal Insan Zon Timur, Kelantan. Seramai 35 orang peserta telah menghadiri bengkel tersebut.



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengenalpasti keperluan latihan yang diperlukan oleh kumpulan Penolong Jurutera selepas Jawatan Gred J17, J22, J26 dijumudkan dan kumpulan gred ini dinaikkan jawatan ke Gred JA29 dengan tugas serta tanggungjawab yang semakin bertambah. Disamping itu, keperluan latihan bagi kumpulan gred J29, J36 dan J38 sediaada yang kini digredkan sebagai JA29, JA36 dan JA38 perlu juga diperolehi kerana TNA sediada untuk kumpulan ini telah diadakan pada November 2010. Hasil daripada bengkel ini menunjukkan bahawa kursus-kursus generik yang berbentuk perubahan sikap lebih diperlukan dan diminati berbanding kursus-kursus teknikal.



Pada bulan Oktober 2015, Unit Integriti JPS Malaysia telah menganjurkan Program *Wake Up Call* Integriti bagi dua (2) buah pejabat iaitu Bahagian Ukur Bahan Dan Pengurusan Kontrak (BUBK) dan Bahagian HTC Kuala Lumpur. Taklimat Program *Wake Up Call* Integriti telah disampaikan oleh Ketua Unit Integriti JPS iaitu Ir. Hjh. Norlida binti Mamad @ Samad.

INTERNATIONAL EXECUTIVE COUNCIL (IEC) MEETING & INTERNATIONAL CONFERENCE ON IRRIGATION & DRAINAGE (ICID), MONTPELLIER, FRANCE

Le Corum Palais des Congres – Opera Berlioz, Montpellier, France telah dikunjungi oleh lebih dari pada 700 peserta dari pada 60 buah negara yang menganggotai ICID pada 10 – 17 Oktober 2015 yang lalu bagi menghadiri *66th International Executive Council (IEC) Meeting and 26th European Regional Conference*. Perwakilan Malaysia telah diketuai oleh Ir. Mat Hussin bin Ghani, Pengarah BPSP yang juga merupakan Pengerusi *Malaysian National Committee on Irrigation and Drainage (MANCID)*, Dato' Ir. Hj. Mohd Azmi bin Ismail (Timbalan Pengarah BPLS – Naib Pengerusi MANCID), Ir. Mohd. Yazid bin Abdullah (BPML), Cik Hayati binti Zainal (BKOR), En. Mohd. Razali bin Mohd. Nazri (BPSP), En. Mukhlis bin Zainol Abidin (MADA), En. Mohd Anuar Musardar bin Yusoff (KADA) dan Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd. Nor (RPM Engineering – MANCID).

Pada persidangan kali ini, perwakilan Malaysia telah terlibat secara aktif sebagai ahli dengan menganggotai *Asian Regional Working Group (ASRWG)*, *Working Group on Environment (WG-ENV)*, *Working Group on Drainage (WG-DRG)*, *Working Group on On-Farm Irrigation System (WG-ON-FARM)*, *Working Group on Comprehensive Approaches to Flood Management (WG-CAFM)*, *Task Force on Value Engineering (TF-VE)*. Dua pembentangan daripada Malaysia iaitu dari Ir. Mohd Yazid bin Abdullah berkenaan dengan *Case Study for Monetary Assessment of Flood Control and Sediment Control Function of Paddy Fields in Muda Irrigation Scheme* dan Datuk Ir. Mohd Achan bin Mohd Nor berkenaan dengan *Flood Management in Malaysia*. Pada persidangan kali ini, Cik Hayati bin Zainal adalah antara 12 professional muda yang telah dipilih di peringkat antarabangsa untuk menerima biasiswa khas *Young Professional ICID* yang membayai sepenuhnya penyertaan beliau di persidangan tersebut dan beliau juga telah dilantik untuk mempengerusikan *Working Group Young Professional Forum (WG-YPF)* pada kali ini. Pada sesi yang sama, turut telah diadakan satu sesi khas *Young Professional Training* yang melibatkan 12 professional muda yang menerima biasiswa khas ini.

Perwakilan dari Malaysia ini juga telah turut terlibat dalam acara lawatan teknikal ke Gignac, WUA yang terletak 30km di utara Montpellier yang merupakan kawasan yang



mempunyai sistem pengairan pertanian dengan pengurusan sumber air yang amat baik. Gignac juga memiliki *Water User Association (WUA) / Water User Group (WUG)* yang paling lama wujud dan masih beroperasi. Ia sering menjadi tarikan kepada professional yang terlibat dalam pengurusan sumber air di dunia.

Beberapa isu berkenaan dengan *Water Saving, Ground Water Governance, Flood Management, Future of Drainage under Environmental Challenges and Emerging Technologies* telah dibangkitkan dan penglibatan *stakeholders* secara keseluruhan dalam menguruskannya.

Satu sesi khas dari *World Bank, The French Agency for Development and AFEID* yang berkenaan dengan *Public-Private Partnership (PPP)* turut telah diadakan. Pada sesi tersebut telah membincangkan dua topik penting iaitu *Expectations about PPPs in irrigation, challenges for its implementation and how to ensure long term sustainability* dan *What are the typical conditions that the private sector looks at when entering into a PPP?*

Sesi persidangan ini telah ditutup dengan *International Executive Council Meeting* yang telah diwakili oleh Ir. Mat Hussin bin Ghani dan En. Mohd. Razali bin Mohd. Nazri. Antara isu utama yang dibentangkan adalah ICID Vision 2030 yang diharapkan akan dijadikan mekanisma baru dalam mengerakkan organisasi bertaraf antarabangsa ini.



NAZIRAN ZON U1 & HARI BERTEMU PELANGGAN PADA 20 - 23 OKTOBER 2015

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan



Perjawatan

Sesi Brainstorming Bagi Menentukan Bilangan Dan Gred Jawatan Bagi Pengawasan Tapak di Zon Utara (U1- Kedah dan Perlis)

Satu sesi percambahan fikiran telah dilaksanakan melibatkan BKP, Taskforce Reorg2020 dan pejabat-pejabat projek Zon Utara (U1) telah dilaksanakan pada 21 Oktober 2015 bertempat di Dewan JKR, Bangunan Sultan Abdul Halim. Sesi tersebut memberi maklum keadaan semasa Perkhidmatan Awam iaitu :

- Kemampuan kewangan kerajaan;
- Larangan pertambahan perjawatan, pewujudan jawatan baru kecuali *tradeoff*, dan
- Pembekuan pelantikan baru sejak 22 April 2015

Selain itu, di dalam sesi tersebut perbincangan dan cadangan bagi memperkasakan model pengawasan tapak telah dibahaskan dan penetapan model-model pengawasan tapak berdasarkan bilangan perjawatan RPP telah disyorkan.

Seterusnya perbincangan guna tenaga bagi Zon U1 berdasarkan keperluan projek, tempoh dan jangka siap projek melibatkan Pejabat Tanpa Waran adalah bagi mengenal pasti taburan bilangan perjawatan mencukupi bagi menampung tugas-tugas di tapak.

Taklimat BKP dan Naziran perjawatan RPM

Hari berikutnya satu sesi taklimat telah disampaikan oleh Pengarah BKP kepada kakitangan JPS daripada Kumpulan Pelaksana pelbagai gred berkenaan dasar pertukaran dan perjawatan semasa telah diadakan di Pejabat Jurutera Projek Rancangan Pengairan Muda dan aktiviti berikutnya adalah naziran perjawatan pejabat RPM untuk mengenal pasti tambahan guna tenaga yang optimum di pejabat tersebut menjelang 2016.

Taklimat Status Pencapaian Projek Menaik Taraf Empangan Timah Tasoh(METT) II dan lawatan ke Lencongan Banjir Barat (LBB) Perlis

Satu taklimat daripada Ir. Ilias Bin Mamat, Jurutera Projek METT berkenaan status pencapaian projek dan keperluan guna tenaga projek tersebut. Berikutnya lawatan ke Empangan Timah Tasoh dan terowong di projek Lencongan Banjir Barat telah diadakan.

Perkhidmatan

Hari Bertemu Pelanggan di antara BKP dan warga kerja Zon U1 telah dilaksanakan bermula 21 Oktober 2015 bertempat di PLSM diikuti RTB Kedah, RPM, LBB dan Timah Tasoh di mana kakitangan JPS dapat menyemak Buku Perkhidmatan masing-masing serta sesi soal jawab dengan BKP.

JPS Updates SIDANG REDAKSI '15

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Zainor Rohim bin Ibrahim

PENYELARAS

Ir. Idris Ab. Qahar bin Osman

KETUA EDITOR

Ir. Idris Nishad Mohamed Bin Idris C.J. Mohd. Shally

EDITOR

Yuslina binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Izayati binti Zainal
Norhayati binti Ilias
Noraini binti Samsudin
Shazizauati binti Naziruddin
Noor Asmihan binti Abd Lahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat
Bahagian Pembangunan Modial Insan
Unit Integriti
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Lencongan Sungai Klang
MANCID

DITERBITKAN OLEH

Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50525 Kuala Lumpur

DIREKA GRAFIK DAN DICETAK OLEH

D-LOGIC GLOBAL PRINT

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan dalam boleh dihantar kepada kami melalui:

Email : yatl@water.gov.my
No. Tel : 03-26151765

Email : norhayati@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1461